

PKR Bincang Dengan Polis Esok
Bernama
5 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 5 Jan (Bernama) -- Timbalan Presiden Parti Keadilan Rakyat (PKR) Mohamed Azmin Ali akan mengetuai satu delegasi dalam perbincangan dengan Ketua Polis Kuala Lumpur esok berkenaan perhimpunan yang dijadualkan pada 9 Januari.

PKR dalam satu kenyataan berkata perjumpaan itu dijadualkan diadakan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur di sini pada pukul 10 pagi.

Menurutnya, kesediaan Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar yang telah mengarahkan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Mohamad Salleh untuk mengadakan pertemuan dengan pihaknya adalah dialu-alukan.

Ismail dilaporkan berkata beliau telah mengarahkan Ketua Polis Kuala Lumpur untuk mengadakan pertemuan dengan penganjur demonstrasi itu, manakala Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein pula dipetik sebagai berkata sebarang demonstrasi jalanan tidak akan mengubah mana-mana keputusan mahkamah.

Mahkamah Tinggi akan membuat keputusan pada Isnin depan dalam kes pemimpin pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa meliwat bekas pembantu peribadinya, Mohd Saiful Bukhari Azlan, tiga tahun lepas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=638198>